



## PM mendengar taklimat Wisma LUTH

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan sekali) mendengar taklimat mengenai bangunan baru Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) selepas beliau merasmikan upacara meletakkan batu asas di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur semalam.

Di sebelah kanan Perdana Menteri ialah Pengerusi LUTH, Datuk Haji Mohd. Shamsuddin Haji Mohd. Yaacob. Upacara tersebut dihadiri ramal pemimpin kerajaan dan para jemputan. Bangunan setinggi 38 tingkat itu dianggarkan menelan belanja \$80 juta dan dijadualkan siap sebelum akhir tahun 1985.

Bangunan tersebut dibina dengan bersendikan lima batang tiang utama yang kukuh bagi melambangkan lima 'tiang' agama Islam.

Gambar Berita Harian. — Oleh Yusof Omar.

No. Siri ..... 2290 .....  
No. Penerimaan ..... 34/85 .....